

1 Pernyataan berikut berkaitan dengan satu bentuk milikan perniagaan.

- Melaksanakan kegiatan ekonomi untuk memenuhi keperluan anggota.
- Setiap anggota mempunyai hak untuk membuat keputusan.

Apakah bentuk milikan perniagaan tersebut?

- A Francais
- B Koperasi
- C Usaha sama
- D Perkongsian

2 Gambar 1 menunjukkan perbualan tentang satu bentuk perniagaan lain.



Gambar 1

Antara yang berikut, yang manakah kelebihan perniagaan tersebut kepada Encik Lim?

- I Risiko kegagalan yang rendah
  - II Menjimatkan kos sokongan operasi
  - III Struktur pengurusan tidak begitu besar
  - IV Mekanisme bagi menembusi pasaran baharu
- 
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV


3 Maklumat berikut berkaitan dengan sektor perniagaan.

Perusahaan Bio-Tech menggunakan jentera dan mesin khas untuk pengeluaran produknya.

Apakah kategori yang menyokong pengeluaran bagi perusahaan tersebut?

- A Pembinaan
- B Pengilangan
- C Kejuruteraan
- D Pembekalan tenaga

4 Rajah 1 menunjukkan perkaitan dalam aktiviti perniagaan.




Rajah 1

Pilih pernyataan yang benar berkaitan rajah tersebut.

- A Perniagaan bersaiz besar merupakan perniagaan antarabangsa
- B Saiz perniagaan dipengaruhi secara langsung dengan skala perniagaan
- C Pemilikan perniagaan boleh diubah apabila saiz perniagaan berkembang
- D Perniagaan berasaskan perkhidmatan tertumpu pada perniagaan skala domestik

5 Gambar 2 berkaitan dengan perkembangan sektor perniagaan di Malaysia.



Gambar 2

Apakah kesan perkembangan tersebut kepada negara?

- A Pertambahan import barang
  - B Pertambahan eksport barang
  - C Pertambahan aktiviti pertanian
  - D Pertambahan aktiviti perkhidmatan
- 6 Pengangguran yang boleh berlaku ketika negara mencapai guna tenaga penuh adalah pengangguran
- A geseran.
  - B struktur.
  - C bermusim.
  - D kitaran.
- 7 Maklumat berikut berkaitan dengan cara kerajaan mengatasi satu masalah ekonomi negara.
- Menurunkan kadar cukai
  - Melaksanakan dasar kewangan negara
  - Memberi khidmat nasihat dan perundangan

Apakah kesan tindakan tersebut?

- A Mengurangkan eksport barang
- B Meningkatkan simpanan pengguna
- C Mengurangkan perbelanjaan negara
- D Meningkatkan pendapatan boleh guna

- 8 Logo 1 berkaitan dengan sebuah agensi kerajaan.



Logo 1

Apakah peranan agensi tersebut terhadap perkembangan aktiviti perniagaan?

- A Mempertingkatkan latihan pembangunan keusahawanan
  - B Menemukan pasaran baharu untuk perdagangan luar negara
  - C Menyediakan khidmat nasihat perundangan kepada perniagaan
  - D Memastikan keluaran di pasaran menepati piawaian yang ditetapkan
- 9 Maklumat berikut berkaitan kesan perubahan yang wujud dari aspek undang-undang terhadap organisasi perniagaan.


**KUALA LUMPUR:** Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) sudah memulakan proses meminda Akta Persaingan 2010 untuk memperkenalkan kuasa kepada MyCC untuk mengawal penggabungan dan pengambilalihan syarikat yang akan membentuk entiti monopoli dalam negara.

*Sumber: [https://www.astroawani.com/berita-bisnes/gabung-syarikat-bentuk-monopoli-mycc-pinda-akta-persaingan.31 Mac 2021](https://www.astroawani.com/berita-bisnes/gabung-syarikat-bentuk-monopoli-mycc-pinda-akta-persaingan.31-Mac-2021)*

Kesan perubahan yang berlaku daripada situasi tersebut adalah untuk

- A mewujudkan guna tenaga yang optimum.
  - B mewujudkan sistem perniagaan secara adil.
  - C melindungi hak semua pihak dalam perniagaan.
  - D melindungi perniagaan daripada sebarang penipuan.
- 10 Apakah maksud objektif perniagaan?
- A Pembentukan maklumat yang khusus bagi mencapai tujuan organisasi
  - B Pernyataan ringkas menjelaskan tujuan utama sesebuah perniagaan
  - C Penetapan keseluruhan dalam melakukan aktiviti perniagaan
  - D Perancangan melibatkan fokus jangka masa panjang


11 Maklumat berikut menunjukkan ciri-ciri objektif bagi sebuah perniagaan.



Manakah yang menerangkan ciri bagi M?


- A Perniagaan mensasarkan jualan yang banyak pada setiap bulan.
  - B Perniagaan mensasarkan peningkatan jualan sebanyak 20% pada setiap tahun.
  - C Perniagaan mensasarkan pembukaan cawangan baharu menjelang tahun 2025.
  - D Perniagaan mensasarkan untuk menjadi pengeluar utama produk di Malaysia.
- 12 Faktor manakah yang menunjukkan kemampuan sesebuah perniagaan untuk mengekalkan operasi dalam industri?
- A Penyediaan perkhidmatan
  - B Titik pulang modal
  - C Syer pasaran
  - D Daya saing
- 13 Manakah yang berkaitan dengan kos berubah?
- I Belanja faedah
  - II Bil utiliti
  - III Duti eksais
  - IV Insurans pekerja
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

- 14 Apakah aspek penting yang dapat digambarkan melalui carta organisasi?
- A Deskripsi tugas
  - B Spesifikasi kerja
  - C Hierarki pengurusan
  - D Pembahagian sumber
- 15 Gambar 3 menunjukkan perubahan situasi yang berlaku dalam satu bahagian fungsian.



Gambar 3

- Apakah tujuan perubahan dalam bahagian fungsian tersebut?
- A Meningkatkan operasi pengeluaran
  - B Mengurangkan penyelidikan produk
  - C Mengurangkan pengangguran teknologi
  - D Meningkatkan kecekapan sumber manusia
- 16 Gambar 4 berkaitan aplikasi teknologi maklumat yang boleh diintegrasikan bagi membantu satu bahagian fungsian dalam sesebuah perniagaan.



Gambar 4


Apakah bahagian fungsian tersebut?

- A Pemasaran
- B Pengeluaran
- C Pengagihan
- D Penyelidikan

- 17 Pilih prosedur yang tepat berkaitan bahagian fungsian dalam aliran produk sesebuah perniagaan.

Prosedur	Bahagian Fungsian
A Pesanan bahan mentah	Pemasaran
B Penghantaran invois kepada peniaga	Pembelian
C Penyediaan senarai barang dan harga	Kewangan
D Penerimaan pesanan pembeli	Jualan

- 18 Rajah 2 berkaitan langkah-langkah pembangunan produk baharu.



Rajah 2

Apakah yang dilakukan pada proses P?

- A Membuat penilaian keputusan produk
- B Mengkaji kos dan unjuran keuntungan
- C Menggugurkan idea yang kurang berpotensi
- D Mereka bentuk produk daripada konsep baharu

- 19 Antara yang berikut, yang manakah kepentingan pengurusan sumber manusia?

- I Memantau prestasi pekerja
- II Meningkatkan tahap motivasi
- III Memantapkan budaya profesional
- IV Menggalakkan inovasi pengeluaran
  
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 20 Apakah peranan sumber manusia yang dapat mewujudkan kesetiaan pekerja dalam sesbuah perniagaan?
- A Menilai prestasi pasukan  
B Menyediakan latihan kemahiran  
C Memberi insentif yang munasabah  
D Membangunkan usaha mencapai sasaran

- 21 Maklumat berikut berkaitan dengan satu konsep yang diaplikasikan oleh bahagian pembangunan sumber manusia dalam institusi Maybank.

- |          |  |
|----------|--|
| <b>T</b> | • <i>Teamwork</i> (Kerja Berpasukan)                             |
| <b>I</b> | • <i>Integrity</i> (Integriti)                                   |
| <b>G</b> | • <i>Growth</i> (Pertumbuhan)                                    |
| <b>E</b> | • <i>Excellence and Efficiency</i> (Kecemerlangan dan Kecekapan) |
| <b>R</b> | • <i>Relationship Building</i> (Membina Hubungan)                |

Manakah yang berkaitan dengan peranan konsep tersebut?

- A Melaksanakan program kepimpinan pemantapan budaya  
B Mengamalkan penilaian dalam pembangunan prestasi  
C Menyediakan aktiviti kompetensi dan praktikal  
D Mewujudkan persekitaran positif dan harmoni
- 22 Antara yang berikut, situasi manakah yang menunjukkan standard prosedur operasi (SOP) dalam aspek pengelolaan sumber manusia?
- I Staf bank perlu meminta kad pengenalan pelanggan untuk pengesahan diri semasa pengeluaran wang di kaunter  
II Pekerja yang berpengalaman dan berkemahiran perlu dibayar dengan gaji yang bersesuaian  
III Peralatan yang canggih dan moden diperlukan bagi menjamin pengeluaran yang berkualiti  
IV Doktor yang melakukan pembedahan perlu menggunakan peralatan yang telah dinyah kuman
- A I dan II  
B I dan IV  
C II dan III  
D III dan IV

- 23 Maklumat berikut berkaitan dengan kemahiran kebolehkerjaan bagi sebuah perniagaan.

**SYARIKAT**  
*Damia Basmathii*

**PEGAWAI PEMASARAN**

a. Berpengalaman dalam bidang pemasaran sekurang-kurangnya 3 tahun

b. Berpengalaman dalam bidang jualan peruncitan adalah diutamakan

Mengapakah syarat-syarat tersebut diperlukan?

- A Menjimatkan kos latihan sumber manusia
  - B Memberi nilai tambah kepada pelanggan
  - C Mewujudkan semangat kerja berpasukan
  - D Membentuk kesepakatan yang harmoni
- 24 Apakah tujuan menguruskan produk siap bagi sebuah perniagaan?
- A Pengeluaran yang lebih efektif
  - B Barang tersedia apabila diperlukan
  - C Kualiti barang dalam keadaan baik
  - D Urusan perniagaan lebih lancar

- 25 Petikan berikut berkaitan suatu prosedur mengurus sumber dalam perniagaan.


Encik Yadon mengupah juruteknik luar untuk menyelenggara peralatan teknologi maklumat dan komunikasi di kilang perabotnya pada setiap bulan.

Mengapakah Encik Yadon berbuat demikian?

- A Menilai keaslian peralatan yang digunakan
- B Memastikan kerosakan dapat dicegah
- C Menggantikan peralatan yang bermasalah
- D Mendapat pampasan jika berlaku sesuatu risiko

- 26 Antara yang berikut, manakah yang benar berkenaan dengan hak cipta terpelihara?
- Hak mutlak untuk suatu reka cipta
  - Hak eksklusif kepada pencipta karya
  - Perlindungan tanpa mengira kualiti yang dihasilkan
  - Perlindungan kepada ciptaan yang belum dizahirkan
- I dan II
  - I dan IV
  - II dan III
  - III dan IV

- 27 Gambar 5 berkaitan dengan keperluan melaksanakan pengurusan sumber dalam sebuah organisasi penerbangan.



Gambar 5

Apakah tujuan pengurusan tersebut dilakukan?

	T	U
A	Meningkatkan kemahiran terkini	Mempercepatkan pengeluaran
B	Mengelakkan aktiviti peniruan	Memenuhi citara pengguna
C	Menggunakan perisian asli	Mengelakkan kerosakan mesin
D	Menambah pengalaman	Melindungi produk siap

- 28 Maklumat berikut berkaitan dengan sejenis sumber pembiayaan luaran.

Pihak institusi kewangan membeli akaun penghutang daripada peniaga pada harga yang kurang daripada nilai sebenarnya.


Apakah jenis pembiayaan tersebut?

- Pajakan
- Pinjaman
- Ar-Rahnu
- Pemfaktoran

- 29 Manakah antara berikut merupakan kelemahan sumber pembiayaan yang disediakan oleh institusi kewangan?
- Persaingan yang sengit
  - Jumlah pinjaman terhad
  - Kadar faedah yang tinggi
  - Modal segera sukar ditambah
- 30 Maklumat berikut diambil daripada Penyata Pendapatan Kedai Runcit Mija.

Kedai Runcit Mija		
Penyata Pendapatan bagi tahun berakhir 31 Disember 2020		
	RM	RM
Belian Bersih	20 500	
Tambah: Y	500	
Kos Belian		21 000

- Apakah Y?
- Inventori awal
  - Inventori akhir
  - Angkutan keluar
  - Angkutan masuk
- 31 Rajah 3 berkaitan pihak berkepentingan kepada penyata kewangan.



Rajah 3

- Bagaimanakah pihak W menggunakan penyata kewangan?
- Menentukan sasaran tahap keberuntungan
  - Menilai kemampuan membayar hutang semasa
  - Merancang pengagihan sumber dengan berkesan
  - Membuat pertimbangan untuk pemberian ganjaran

- 32 Butiran berikut diambil daripada buku perniagaan Percetakan Canteeq.

Butiran	RM
Modal pada 1 Januari 2020	60 000
Modal pada 31 Disember 2020	70 020
Untung kasar	15 620
Untung bersih	10 820

Berapakah peratusan pulangan atas modal?

- A 15.45%  
 B 18.03%  
 C 22.31%  
 D 26.03%
- 33 Formula manakah yang digunakan untuk mengira peratusan untung tokokan?

A 
$$\frac{\text{Untung bersih}}{\text{Modal awal}} \times 100$$

B 
$$\frac{\text{Untung kasar}}{\text{Jualan bersih}} \times 100$$

C 
$$\frac{\text{Untung bersih}}{\text{Jualan bersih}} \times 100$$

D 
$$\frac{\text{Untung kasar}}{\text{Kos Jualan}} \times 100$$


- 34 Antara yang berikut, manakah yang merupakan kekuatan diri usahawan?

- I Fleksibel membuat keputusan  
 II Perhubungan baik dengan pasangan  
 III Keupayaan membina jenama  
 IV Berani mengambil risiko

- A I dan II  
 B I dan IV  
 C II dan III  
 D III dan IV

- 35 Manakah yang berkaitan dengan sasaran perniagaan?
- Mengenal pasti cita rasa sekumpulan pengguna
  - Menggunakan pengedaran yang betul dalam pasaran
  - Mewujudkan komunikasi bagi memujuk pengguna
  - Menguasai peratusan perniagaan dalam pasaran

- 36 Rajah 4 berkaitan dengan kelebihan bermiaga sebagai satu peluang kerjaya.



Rajah 4

Apakah kesan M kepada masyarakat?

- Menerima sumbangan kewangan
  - Memenuhi kehendak pengguna
  - Memperoleh produk berkualiti
  - Mendapat peluang pekerjaan
- 37 Perniagaan yang manakah tertakluk kepada Akta Pendaftaran Perniagaan 1956?
- Hong King Bank Berhad
  - My Solution Enterprise
  - Koperasi Warisan Jaya
  - 3E Sendirian Berhad
- 38 Apakah situasi penamatan perniagaan yang boleh didaftarkan di Suruhanjaya Syarikat Malaysia?
- Berpindah cawangan
  - Kematian keluarga
  - Perniagaan muflis
  - Menukar pemilik

39 Gambar 6 berkaitan tentang satu kaedah promosi.



Gambar 6

Apakah kesan perlaksanaan kaedah tersebut kepada peniaga?

- A Meningkatkan kos pengiklanan
  - B Melibatkan jualan secara bersemuka
  - C Menawarkan ganjaran kepada pengguna
  - D Menyampaikan maklumat berkredibiliti tinggi
- 40 Mengapakah penyediaan rancangan perniagaan penting bagi meyakinkan pihak pembiaya?
- A Membantu operasi perniagaan lebih sistematik
  - B Membolehkan pelaksanaan tanggungjawab sosial
  - C Mengelakkan kesilapan dalam menguruskan perniagaan
  - D Memudahkan usahawan memperoleh modal perniagaan

### SOALAN TAMAT